

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 25 MAC 2015

RUJUKAN : 7561

SOALAN:

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan membawa pulang Koperal Sirul Azhar Umar dari Australia untuk dikenakan hukuman sebagaimana ditetapkan oleh pihak mahkamah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam proses untuk memulakan rundingan dengan Kerajaan Australia untuk membawa balik Sirul ke Malaysia bagi menjalani hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan. Walaupun Malaysia dan Australia mempunyai triti ekstradisi yang telah ditandatangani pada 15 November 2005, namun proses ini memakan masa kerana ia melibatkan isu perundangan yang rumit dan perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain menyentuh dasar dan undang-undang negara lain, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Sirul turut menyentuh isu hak asasi manusia di mana tidak semua negara menyokong pelaksanaan hukuman mati.

SOALAN (48)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 25 MAC 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

SOALAN :-

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan status terperinci dan mutakhir tentang semua projek perumahan rakyat di seluruh negara di bawah semua agensi Kerajaan dan badan berkanun termasuk PR1MA, Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada data terkini (sehingga November 2014), status perlaksanaan projek perumahan mampu milik di seluruh negara yang dibina oleh agensi-agensi Kerajaan dan badan berkanun termasuk Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) adalah seperti di **Lampiran 1**.

Lampiran 1

STATUS PELAKSANAAN RUMAH MAMPU MILIK 2013 – 2017 (SEHINGGA NOVEMBER 2014)

		Perancangan	Pembinaan	Slip
1.	KPKT	48,154	671	11,964
2.	Agensi Kerajaan Persekutuan	2,694	8,688	6,651
3.	Agensi Kerajaan Negeri	8,495	2,796	11,002
4.	PPA1M	16,512	6,672	0
5.	PR1MA	87,479	11,359	0
6.	SPNB	86,134	12,671	24,857
7.	Pemaju Swasta	Tiada maklumat	Tiada maklumat	40,650

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. Dr Lee Boon Chye
(Gopeng)**

TARIKH : 25.3.2015

SOALAN : 49

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan peruntukan setiap tahun mulai 2009 untuk pembinaan dan pemberian rumah kediaman Orang Asli Semenanjung Malaysia.